

**DRAF UCAPAN  
YANG BERBAHAGIA PUAN HAJJAH ROSNANI IBARAHIM,  
KETUA PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR  
DI MAJLIS PELANCARAN BRIGED PENYELAMAT SUNGAI KE-13  
PUNCAK NIAGA (M) SDN BHD  
DI LOJI PEMBERSIHAN AIR WANGSA MAJU  
26 APRIL 2003**

---

SAUDARA/I PENERUSI MAJLIS

YANG BERBAHAGIA TAN SRI ROZALI ISMAIL  
PENERUSI EKSEKUTIF PUNCAK NIAGA (M) SDN BHD

AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH PUNCAK NIAGA

YANG BERUSAHA KETUA-KETUA JABATAN KERAJAAN NEGERI DAN  
PERSEKUTUAN

YANG BERUSAHA WAKIL-WAKIL DARI PERBADANAN URUS AIR  
SELANGOR (PUAS)

GURU-GURU DAN MURID-MURID SEKOLAH YANG MENGAMBIL  
BAHAGIAN

KAKITANGAN PUNCAK NIAGA

WAKIL-WAKIL MEDIA

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN PARA HADIRIN SEKALIAN

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SELAMAT  
PAGI

BERSYUKUR SAYA KE HADRAT ALLAH S.W.T KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN IZINNYA, KITA DAPAT BERSAMA-SAMA HADIR DI MAJLIS YANG PENUH BERKAT INI IAITU **MAJLIS PELANCARAN BRIGED PENYELAMAT SUNGAI KE-13 YANG DIANJURKAN OLEH SYARIKAT PUNCAK NIAGA (M) SDN BHD**. SAYA JUGA INGIN MERAKAMKAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA PUNCAK NIAGA (M) SDN BHD KERANA SUDI MENGUNDANG SAYA UNTUK MERASMIKAN MAJLIS YANG MERIAH INI.

TAN SRI, DATO'-DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN

SEPERTI YANG KITA SEDIA MAKLUM, SUNGAI MERUPAKAN SUMBER UTAMA KEPADA BEKALAN AIR BERSIH NEGARA. SABAN HARI TERPAMPANG DI DADA-DADA AKHBAR MENGENAI PENCEMARAN ALAM SEKITAR SEPERTI PENEANGAN POKOK YANG TIDAK TERKAWAL ATAU ASAP PEMBAKARAN TERBUKA YANG SECARA TIDAK LANGSUNG MERUPAKAN ANTARA PUNCA PENCEMARAN SUNGAI. MALAHAN BERITA TERKINI YANG DILAPORKAN OLEH JABATAN ALAM SEKITAR MENUNJUKKAN SUNGAI-SUNGAI YANG TERCEMAR DI MALAYSIA SUDAH BERADA DI TAHAP SERIUS YANG MENUNTUT SATU PERUBAHAN DRASTIK DILAKUKAN BAGI MENYELAMATKAN SUNGAI-SUNGAI INI.

MASALAH INI BUKAN SAHAJA BERLAKU DI NEGARA KITA, MALAH TELAH MENJADI AGENDA UTAMA DI PERINGKAT GLOBAL DAN SERING DIBINCANGKAN DI FORUM-FORUM DAN PERSIDANGAN-PERSIDANGAN UTAMA ANTARABANGSA.

WALAUPUN PENCEMARAN ALAM SEKITAR MELIPUTI PELBAGAI ASPEK, PERKARA YANG SERING DIBERI PERHATIAN KERANA MEMBERI KESAN SECARA LANGSUNG KEPADA KITA SEBAGAI PENGGUNA IALAH PENCEMARAN SUMBER AIR MENTAH KITA. PENCEMARAN YANG SERIUS MEMBERI KESAN NEGATIF KEPADA SUMBER BEKALAN AIR KITA, SEPERTI YANG TELAH BERLAKU DI NEGERI INI BEBERAPA TAHUN YANG LEPAS.

KAJIAN YANG DIJALANKAN OLEH JABATAN ALAM SEKITAR YANG MELIBATKAN SEBANYAK 120 BUAH SUNGAI DI SELURUH NEGARA PADA TAHUN 2001 MENUNJUKKAN HANYA **60 BUAH SUNGAI DARIPADA 120 INI DIKATEGORIKAN SEBAGAI BERSIH DAN BEBAS DARIPADA PENCEMARAN. INI BERBEZA DENGAN 47 BUAH SUNGAI SEDIKIT TERCEMAR (39%) DAN 13 BUAH SUNGAI TELAH TERCEMAR (11%).**

(SUMBER: MALAYSIA ENVIRONMENTAL QUALITY REPORT 2001)

CONTOHNYA DI NEGERI SELANGOR INI, SUNGAI LANGAT MERUPAKAN ANTARA SUNGAI UTAMA YANG TELAH MENCAPAI TAHAP KUALITI 'BAHAYA'. KAJIAN TELAH MENUNJUKKAN BAHAWA TERDAPAT 56 BUAH KILANG YANG MENJADI PUNCA UTAMA PENCEMARAN SUNGAI LANGAT KERANA SESETENGAH KILANG TERSEBUT TIDAK MEMPUNYAI SISTEM RAWATAN SISA YANG TERSENDIRI. INI MENYEBABKAN MEREKA TERUS MEMBUANG BAHAN-BAHAN SISA INDUSTRI KE SUNGAI-SUNGAI YANG BERHAMPIRAN. (SUMBER: STAR 10/8/2001)

SUNGAI LANGAT JUGA ADALAH DI ANTARA 3 SUNGAI YANG DIBERI KEUTAMAAN OLEH KERAJAAN DALAM PROGRAM PEMBERSIHAN SUNGAI DI DALAM **RANCANGAN MALAYSIA KE-LAPAN**. INI MENUNJUKKAN BAHAWA KERAJAAN MEMANG MEMANDANG SERIUS MASALAH PENCEMARAN AIR SUNGAI, TERUTAMANYA SUNGAI-SUNGAI YANG BERKEDUDUKAN STRATEGIK DAN PENTING.

(SUMBER: NST 13/3/2002)

YBHG TAN SRI, DATO'-DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN

SEPERTI YANG KITA TAHU PENCEMARAN ALAM SEKITAR ADALAH SATU MASALAH YANG MELIBATKAN SETIAP LAPISAN MASYARAKAT. GENERASI MUDA TIDAK TERKECUALI DARI TANGGUNGJAWAB INI. MALAHAN MEREKA ADALAH GOLONGAN YANG PALING PENTING UNTUK TERUS MEMELIHARA ALAM SEKITAR DI MASA HADAPAN.

OLEH YANG DEMIKIAN, GENERASI MUDA INI PERLU DILENGKAPKAN DENGAN ILMU PENGETAHUAN MENGENAI ALAM SEKITAR SUPAYA MEREKA LEBIH MEMAHAMI SEGALA ASPEK YANG BERKAITAN DENGANNYA. MEREKA ADALAH PELAPIS YANG DIHARAPKAN UNTUK DAPAT MENERANGKAN ATAU MEMBERI TUNJUK AJAR KEPADA GENERASI-GENERASI YANG BERIKUTNYA SUPAYA LEBIH PEKA DAN SEDAR AKAN KEPENTINGAN SISTEM SUNGAI KEPADA KEHIDUPAN KITA.

OLEH ITU, SAYA MEMUJI USAHA-USAHA PROAKTIF YANG DILAKUKAN OLEH PUNCAK NIAGA (M) SDN BHD TERHADAP USAHA MENINGKATKAN KESEDARAN ORANG RAMAI TERHADAP PENCEMARAN SUNGAI SERTA KEPENTINGANNYA SEBAGAI SUMBER BEKALAN AIR MENTAH.

USAHA MURNI PUNCAK NIAGA MENDEKATI GENERASI MUDA MENERUSI PROGRAM BRIGED PENYELAMAT SUNGAI YANG MELIBATKAN PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH RENDAH DI SEKITAR SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN ADALAH LANGKAH YANG BIJAK DAN TEPAT.

YBHG. TAN SRI, DATO'-DATO', HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

BUKAN MUDAH UNTUK KITA MEMBENTUK PEMIKIRAN ANAK-ANAK MUDA INI MENGENAI TANGGUNGJAWAB YANG PERLU DIPIKUL TERHADAP PEMELIHARAAN ALAM SEKITAR KHUSUSNYA SUNGAI. PADA TEORINYA NAMPAK MUDAH TETAPI SECARA PRAKTIKALNYA MEMERLUKAN PENDEKATAN YANG BERSEPADU, SERIUS DAN SESUATU YANG DAPAT MENARIK MINAT DAN KEHENDAK GOLONGAN MUDA INI.

WALAUPUN IA NAMPAK SUKAR DILAKUKAN, TETAPI KITA PERLU MENERUSKAN JUGA USAHA-USAHA INI KERANA PROGRAM SEBEGINI AMAT PENTING SERTA PERLU DILAKUKAN BERTERUSAN AGAR OBJEKTIFNYA DAPAT DIPRAKTIKKAN OLEH MASYARAKAT SECARA KESELURUHANNYA.

JABATAN KAMI JUGA MENGALU-ALUKAN PENYERTAAN PIHAK-PIHAK SWASTA DAN BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) YANG LAIN YANG INGIN MENJADIKAN SUNGAI SEBAGAI AGENDA UTAMA AKTIVITI SOSIAL MEREKA. DENGAN ADANYA PROGRAM-PROGRAM PEMBERSIHAN YANG DIANJURKAN DENGAN LEBIH KERAP OLEH PIHAK YANG BERKENAAN, SAYA YAKIN JIKA IA DILAKSANAKAN DENGAN TELITI, MATLAMAT KITA AKAN TERCAPAI.

JABATAN KAMI JUGA BERAZAM UNTUK TERUS MENGAWASI DAN MEMANTAU SUNGAI-SUNGAI DAN PERSEKITARAN KITA. SAYA JUGA BERHARAP AGAR SEMUA PIHAK DAPAT MEMBERI KERJASAMA KEPADA JABATAN ALAM SEKITAR DALAM USAHA KAMI MEWUJUDKAN KESEDARAN DAN TANGGUNGJAWAB TERHADAP KEPENTINGAN MENJAGA KEBERSIHAN SUNGAI DAN ALAM SEKITAR AMNYA.

AKHIR KATA, SAYA INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH SEKALI LAGI KEPADA SYARIKAT PUNCAK NIAGA (M) SDN BHD KERANA SUDI MENJEMPUT SAYA KE PROGRAM PADA HARI INI. SEMOGA PROGRAM MURNI INI DAPAT DITERUSKAN DAN DIKEMBANGKAN DI MASA-MASA AKAN DATANG.

MAKA DENGAN LAFAZ **BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**, SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN PROGRAM BRIGED PENYELAMAT SUNGAI KE-13 PUNCAK NIAGA (M) SDN BHD.

TERIMA KASIH.